

pesaka Undang 24/2/88 daripada Rumpun Tinggang

SEREMBAN, Selasa — Semua penyandang pesaka Undang sejak Penghulu pertama Luak Sungai Ujong, Bendahara Skudai sehingga Undang Ketiga, Datuk Kelana Putra Bahi adalah berasal daripada keturunan Rumpun Tinggang.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang hari ini mendakwa Rumpun Tinggang adalah berasal daripada ibu soko bernama Tok Tepi iaitu ibu soko pertama Perut Ulu setelah sistem Adat Perpatih diperkenalkan di Luak Sungai Ujong semasa pemerintahan Datuk Kelana Putra Kawal.

Serentak itu, jurucakap mereka mengulangi bahawa Rumpun Tinggang adalah Waris Kelana (Undang) dan dengan itu anak-anak Warisnya layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

"Ini adalah di antara beberapa bukti sahih yang menunjukkan bahawa Rumpun Tinggang adalah Waris Kelana yang sah dan bukannya Waris Lingkungan seperti yang didakwa oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu sebelum ini.

"Mengikut salasilah keturunan yang kami simpan, Rumpun Tinggang dan Rumpun Bayu berasal daripada keturunan yang sama iaitu kedua-duanya adalah anak perempuan kepada Tok Tepi.

"Malangnya anak-anak Waris Rumpun Bayu seolah-olah cuba mahu menafikan hakikat ini dengan membuat beberapa kenyataan yang amat mengelirukan," katanya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini.

Menurut jurucakap itu, satu lagi bukti sahih yang menunjukkan bahawa Rumpun Tinggang adalah Waris Kelana ialah hakikat baha-

wa Rumpun itu menerima pencen Waris Kelana menerusi ibu soko bernama Sakni dan Kaliah sejak 1884.

Bagaimanapun, beliau mendakwa pencen itu 'bertukar-milik' kepada Rumpun Bayu menerusi ibu soko mereka bernama Posah semasa pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur pada 1925.

"Kami mempunyai bukti bahawa pencen Waris Kelana yang diterima oleh ibu soko kami bernama Sakni dan Kaliah 'berpindah-milik' kepada Posah, yang juga ibu saudara kepada Datuk Kelana Putra Makmur.

"Kepada pihak-pihak tertentu khususnya anak-anak Waris Rumpun Bayu yang ingin mempertikaikan kenyataan ini, kami berharap mereka dapat merujuk kepada rekod yang masih disimpan oleh pihak berkuasa khususnya Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan," katanya.

Sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu termasuk daripada Rumpun Bayu baru-baru ini meminta anak-anak Waris Rumpun Tinggang memberikan bukti sahih untuk menyokong kenyataan bahawa Rumpun Tinggang adalah Waris Kelana serta layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra.

Kumpulan berkenaan juga mendakwa bahawa anak-anak Waris Rumpun Tinggang tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra kerana mereka adalah Waris Lingkungan.